

28.6.2021_Harakah Daily_MOSTI_PKP3.0: Amzad bantu pengusaha tempatan

PKP 3.0: Amzad bantu pengusaha tempatan



Dato' Amzad dan Syed Hassan sedang menebar roti canai untuk diagihkan kepada empat DUN sebanyak 10,000 keping.

KUALA TERENGGANU: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang sedang dilaksanakan hingga 28 Jun ini, sedikit sebanyak tidak menghalang aktiviti dua hala antara pengusaha tempatan dengan penerima sumbangannya.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Dato' Ahmad Amzad Hashim berkata, kesan dari inisiatif itu cukup positif sekali gus mampu meningkatkan per-

mintaan kepada pengusaha produk tersebut.

Menurut beliau, menerima banyak panggilan telefon daripada pengusahanya yang mendapat tempahan selepas berita itu ditular.

"Pengusaha roti canai, roti paung, macam-macam roti, air soya, nasi lemak banyak yang telefon saya beritahu, mereka (pengusaha) dapat banyak tempa-

han lepas YB (Amzad) buat begitu.

"Minggu ini saya (Amzad) libatkan 40 pengusaha warung untuk siapkan 5,000 bungkus nasi goreng untuk 5,000 keluarga. Setiap bungkus cukup untuk lima orang makan. Insha Allah, saya akan perbanyakkan lagi inisiatif serupa selepas ini," ujarnya kepada Harakah, pada Khamis.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) turut mencadangkan agar suatu 'Kempen Beli Lebih Sikit Hadiah Jiran Sebelah' dapat dilaksanakan.

"Saya sebenarnya terfikir satu perkara yang sangat elok kita jadikan kempen bersama. Keliling rumah kita mesti ada sekurang-

kurangnya, satu atau dua keluarga yang kita kenal sebagai orang susah.

"Saya ingin sekali lancarkan 'KEMPEN BELI LEBIH HADIAH JIRAN SEBELAH'.

"Konsepnya begini, mungkin kita beli bungkus untuk bawa balik ke rumah. Katakan, lima bungkus mee goreng, belilah enam bungkus. Lagi satu bungkus sebelum masuk rumah, berilah salam rumah jiran yang susah hadiah sebungkus.

"Jika semua yang mampu buat begini, pertama ia tingkatkan permintaan kepada produk dan kedua, ianya beri manfaat kepada penerima (orang susah)," jelasnya.

Namun, katanya apa yang lebih besar dapat mewujudkan gelombang positif semangat ke-jiranan, persaudaraan dan saling mengambil berat.

Menurutnya, jika inisiatif ini dilaksanakan dengan skala lebih besar seperti melalui Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat korporat sebagai satu tanggungjawab sosial, sudah pasti akan wujud rantalan permintaan berterusan terhadap produk Industri Kecil Sederhana (IKS) tempatan.



Dato' Amzad disaksikan Dr Balachandran (Kiri) mengagihkan roti paun kepada wakil DUN Wakaf Mempelam.